



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj Kami: KPM.100-1/3/2 JLD6 (94)

Tarikh: 28 April 2023

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 1
TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PENUTUPAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SEMASA CUACA PANAS**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid semasa menghadapi cuaca panas dan kering berpanjangan yang melanda negara. Fenomena ini merupakan keragaman iklim (*climax viability*) yang berlaku secara tidak tetap (*irregular*). Keadaan cuaca panas yang berlaku boleh mencetuskan gelombang haba (*heatwave*) yang memudaratkan kesihatan seperti hipertermia atau strok haba dan dehidrasi sehingga boleh membawa maut.

3. Garis panduan ini bertujuan untuk mengingatkan semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pentadbir institusi pendidikan agar dapat mengambil langkah-langkah sewajarnya khususnya penutupan institusi pendidikan semasa menghadapi cuaca pada tahap gelombang haba. Garis panduan yang disertakan bersama-sama surat siaran ini terpakai kepada semua institusi pendidikan termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, prasekolah, kolej vokasional, kolej tingkatan enam, kolej matrikulasi, institut pendidikan guru dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM.

...2/-

Ruj Kami : KPM.100-1/3/2 JLD6 (94)

4. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta merta** mulai pada tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

5. Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman>.


6. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DR. NORISAF BINTI SUHAILI

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PENUTUPAN INSTITUSI
PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA SEMASA
CUACA PANAS**

GARIS PANDUAN PENUTUPAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SEMASA CUACA PANAS

1. PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid semasa menghadapi cuaca panas dan kering berpanjangan yang melanda negara. Fenomena ini merupakan keragaman iklim (*climax viability*) yang berlaku secara tidak tetap (*irregular*). Keadaan cuaca panas yang berlaku boleh mencetuskan gelombang haba (*heatwave*) yang memudaratkan kesihatan seperti hipertermia atau strok haba dan dehidrasi sehingga boleh membawa maut.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk mengingatkan semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), pentadbir institusi pendidikan agar dapat mengambil langkah-langkah sewajarnya khususnya penutupan institusi pendidikan semasa menghadapi cuaca pada tahap gelombang haba.

3. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini terpakai untuk semua institusi pendidikan bawah KPM.

4. TAFSIRAN

- 4.1. Gelombang haba merujuk kepada keadaan satu tempoh suhu tinggi luar biasa yang melebihi suhu maksimum purata harian dengan keadaan cuaca yang agak panas. Tahap suhu adalah merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.
- 4.2. Tahap amaran cuaca panas oleh METMalaysia adalah seperti berikut:

Tahap	Status	Suhu
Tiada Amaran (0)	-	Suhu di bawah 35°C
Amaran Pertama (1)	Berjaga – jaga (Amaran Gelombang Haba)	Suhu tertinggi harian melebihi 35°C hingga 37°C selama tiga hari berturut-turut
Amaran Kedua (2)	Gelombang Haba	Suhu tertinggi melebihi 37°C untuk tiga hari berturut-turut – pengisytiharan <i>heatwave</i> oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

<p>Amaran Ketiga (3) Kecemasan/ Bencana</p>	<p>Kecemasan Gelombang Haba</p>	<p>Suhu tertinggi harian melebihi 40°C untuk 3 hari berturut-turut – Pemakluman kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi pengistiharan kecemasan</p>
---	---	--

5. PENUTUPAN INSTITUSI PENDIDIKAN

- 5.1. Pentadbir perlu sentiasa memantau status suhu harian bagi cuaca panas setiap hari di daerah masing-masing (yang dikeluarkan oleh METMalaysia).
- 5.2. Sekiranya berlaku status suhu harian bagi cuaca panas pada tahap amaran pertama dengan suhu tertinggi melebihi 35°C hingga 37°C untuk tiga hari berturut-turut, pentadbir hendaklah menghentikan semua aktiviti luar yang melibatkan murid dan guru/pensyarah. Antara contoh aktiviti luar yang tidak sesuai dilaksanakan pada tahap suhu amaran pertama ini ialah seperti merentas desa, perkhemahan, kawad, sukan dan permainan di luar bangunan serta pertanian.
- 5.3. Sekiranya berlaku status suhu harian bagi cuaca panas pada tahap amaran 2 dengan suhu tertinggi melebihi 37°C untuk

tiga hari berturut-turut dan diisytiharkan *heatwave* oleh METMalaysia, pentadbir boleh menutup institusi pendidikan.

- 5.4. Penutupan institusi pendidikan akibat status suhu harian bagi cuaca panas hendaklah dimaklumkan oleh pentadbir kepada Pendaftar dengan serta-merta secara lisan dan bertulis menggunakan apa-apa medium yang sesuai.
- 5.5. Pentadbir hendaklah mengemukakan surat pemakluman rasmi kepada Pendaftar berhubung penutupan institusi pendidikan serta-merta atas sebab status suhu harian bagi cuaca panas pada tahap amaran 2. Surat pemakluman tersebut hendaklah dilampirkan bersama-sama dokumen sokongan yang menjelaskan tentang proses penilaian risiko yang dijalankan sebelum keputusan untuk menutup institusi pendidikan dibuat oleh pentadbir seperti:
 - i. garis panduan atau manual yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan yang lain; atau
 - ii. tangkap layar / paparan komunikasi yang dibuat yang dibuat oleh agensi kerajaan berkaitan status suhu harian bagi cuaca panas;
- 5.6. Pentadbir hendaklah memaklumkan kepada ibu bapa dan penjaga berkaitan keputusan penutupan dan pembukaan institusi pendidikan atas sebab status suhu harian bagi cuaca panas dengan segera secara bertulis menggunakan apa-apa medium komunikasi yang sesuai.

- 5.7. Pentadbir perlu memaklumkan Pendaftar tarikh hari ganti yang ditetapkan bagi menggantikan hari institusi pendidikan yang ditutup. Walau bagaimanapun, hari ganti tidak perlu diadakan sekiranya diluluskan oleh Pendaftar untuk tidak diganti.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR

Seseorang Pendaftar hendaklah :

- 6.1. memastikan penutupan sesebuah institusi pendidikan oleh pentadbir mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan.
- 6.2. memastikan pentadbir mengemukakan surat pemakluman penutupan institusi pendidikan dengan segera; dan
- 6.3. memastikan pentadbir mengadakan hari ganti bagi menggantikan hari yang institusi pendidikan ditutup melainkan jika Pendaftar meluluskan untuk tidak diganti.

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENTADBIR

Seseorang pentadbir hendaklah:

- 7.1. merujuk kepada garis panduan dan manual pengurusan bencana oleh KPM dan agensi kerajaan yang lain yang berkaitan sebelum memutuskan penutupan institusi pendidikan disebabkan cuaca panas;

- 7.2. mempertimbangkan untuk menutup institusi pendidikan bagi suatu tempoh tertentu disebabkan cuaca panas berdasarkan penilaian risiko yang dijalankan;
- 7.3. memaklumkan Pendaftar dengan serta-merta tentang penutupan institusi pendidikan secara lisan atau bertulis melalui apa-apa medium komunikasi yang sesuai;
- 7.4. mengemukakan surat pemakluman rasmi kepada Pendaftar berhubung penutupan institusi pendidikan disebabkan cuaca panas dan dilampirkan dengan dokumen sokongan;
- 7.5. memaklumkan ibu bapa dan penjaga berkaitan penutupan institusi pendidikan dengan segera secara bertulis menggunakan apa-apa medium komunikasi yang sesuai;
- 7.6. menetapkan tarikh hari ganti persekolahan bagi menggantikan hari yang institusi pendidikan ditutup dan memaklumkan tarikh tersebut kepada Pendaftar; dan
- 7.7. memastikan kehadiran murid didaftarkan semasa hari ganti persekolahan;

8. PENGURUSAN ASRAMA

- 8.1. Murid perlu disuraikan untuk berada di asrama atau bilik/dewan yang sesuai.

- 8.2. Jika murid didapati tidak sihat, ibu bapa atau penjaga dibenarkan untuk membawa anak ke hospital atau balik ke rumah.
- 8.3. Pentadbir perlu memastikan bilik (dorm) mempunyai pengudaraan yang baik.
- 8.4. Pentadbir perlu sentiasa memantau tahap kesihatan murid bagi mengelakkan sebarang risiko berkaitan strok haba berlaku serta penyakit yang lain.
- 8.5. Kontraktor dewan makan asrama perlu menyediakan air minuman yang mencukupi bagi menampung keperluan murid.

9. PENUTUP

Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Gelombang Haba ini dihasratkan dapat memastikan pengurusan penutupan institusi pendidikan dapat dilaksanakan secara teratur. Dalam mempertimbangkan penutupan institusi pendidikan, aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid mestilah menjadi keutamaan komuniti institusi pendidikan.